

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah kesesakan pesakit-pesakit, khususnya COVID-19 di Hospital Serdang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

KKM sentiasa memandang serius situasi penularan pandemik COVID-19 khususnya di negeri Selangor. Di Hospital Serdang, pelbagai usaha telah dijalankan seperti meningkatkan kapasiti fasiliti hospital dan mobilisasi aset serta sumber manusia. Usaha-usaha ini dilakukan bagi memastikan sistem rawatan kesihatan di Hospital Serdang terus mampan dalam membendung penularan COVID-19. Antara usaha yang telah dan sedang dijalankan termasuk:

**Pelan Tindakan Pesakit COVID-19**

**1. Menjadikan Hospital Serdang sebagai Hospital Full COVID-19**

Susulan peningkatan kes COVID-19 yang mendadak di Lembah Kelang, Pasukan Bertindak Khas Kesihatan Awam Greater Klang Valley (STF GKV) telah menjadikan Hospital Serdang sebagai Hospital Full COVID-19 sejak 27 Julai 2021. Sejak itu Hospital Serdang telah meningkatkan kapasiti katil COVID-19 bukan ICU dari 450 ke 733.

**2. Meningkatkan kapasiti katil di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan alat bantuan pernafasan (ventilator) di hospital**

- (i) Terkini, jumlah katil ICU bagi pesakit COVID-19 di Hospital Serdang adalah sebanyak 45 di mana kadar penggunaannya adalah 100% berbanding 12 katil ICU bagi pesakit COVID-19 dengan kadar penggunaan 140% pada awal tahun ini.
- (ii) Bagi menampung peningkatan penggunaan katil ICU Hospital Serdang, beberapa kawasan klinikal di hospital telah diubahsuai dan disusun atur semula bagi tujuan rawatan terhadap pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal (repurposing of clinical areas).
- (iii) Terkini, terdapat 70 ventilator yang disediakan di mana kadar penggunaannya adalah sebanyak 97%.

**Pelan Tindakan Pesakit Bukan COVID-19**

**3. Penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan Perubatan bagi kes-kes bukan COVID-19**

- (i) Bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan dan rawatan kepada kes-kes bukan COVID-19 tidak terjejas, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah berbincang dan menandatangani perjanjian dengan beberapa buah hospital swasta di Selangor untuk menyumberluar perkhidmatan kesihatan.
- (ii) Terdapat 33 buah hospital swasta di Selangor yang terlibat dengan penyumberluaran perkhidmatan perubatan bersama Hospital Serdang. Sehingga Ogos 2021, sebanyak 273 kes telah berjaya di hantar dari Hospital Serdang ke hospital swasta untuk mendapatkan rawatan.

Sekian, terima kasih.